Bahasa Melayu

(oleh Musyfa')

Bahawasanya saya telah menulis ini menepati janji saya di majalah "Qalam" bilangan 34 itu dan sambil saya mengambil peluang menerangkan sekali lagi bahawa tidak sekali-kali saya mengaku diri saya seorang pendeta Bahasa Melayu, atau sengaja mengada-ada menunjukkan kelebihan atau kepandaian saya dalam Bahasa Melayu! Tidak !! Tidak!!! Hanyalah apa-apa yang saya rencanakan di halaman majalah ini dan di halaman majalah "pengasuh" yang sudah-sudahnya dahulu itu dan pada hari ini semata-mata ialah kerana kasih saya akan bahasa kita Melayu dan bangsa kita Melayu dan tambahan lagi saya bersama-samalah anak Melayu Semenanjung Tanah nama Melayu ini (termasuklah Singapura pun sama). Sesungguhnya tidak suka saya jika saudara-saudara saya yang sebangsa Melayu Semenanjung ini menjadi suatu kaum "Melayu Pak Turut".


Sekarang saya dapat tahu bahawa saudara-saudara kita Melayu Perak di Kuala Kangsar sedang berusaha bersungguh-sungguh hendak menubuhkan sebuah jemaah pembaiki dan pengembang bahasa Melayu dengan beradab tertib susunan Bahasa Melayu yang sempurna dan molek. Maka oleh yang demikian terasa penuh dada saya akan kesukaan, dan mengucaplah saya tahniah dengan sepenuh-penuh keikhlasan kepada saudara-saudara kita yang di Kuala Kangsar itu dan demikian jugalah kepada saudara-saudara kita yang bersamaan perusahaan mereka itu masing-masing di lain-lain negeri Melayu di Semenanjung ini. Mudah-mudahan akan kelak bermahkotakan kejayaan yang cemerlang-Insha Allah Ta'āla!

Oleh sebab bahasa menunjukkan bangsa, maka saya harap Bahasa Melayu Semenanjung akan menunjukkan bangsa kita "Melayu Semenanjung" bukan bahasa Melayu yang di luar Semenanjung atau bahasa "Melayu Terpesong!" dan lagi diminta tuan-tuan pembaca fikirkan dengan sehalus-halusnya. Jikalau sekiranya orang-orang lain yang bermacam-macam bangsa dan bahasa tetapi Islam juga dan bertanah air di luar Semenanjung Tanah Melayu ini ada bermegah-megah dengan bahasanya sendiri, mengapakah kita sesama sebangsa, kita sebangsa Melayu sebahasa serta sesama setanah air di semenanjung ini hendak meniru-niru bahasa Melayu yang bukan bahasa Melayu Semenanjung ini? Maka inilah suatu perkara yang sangat-sangat mendukacitakan saya, kerana yang demikian itu kelak menjatuhkan bangsa dan bahasa kita di semenanjung ini dan sangat harus kelak dikata orang jikalau tidak meniru-niru bahasa Melayu dagang tentulah kita umat Melayu di Malaya ini tiada mempunyai bahasa Melayunya sendiri. Dan apa yang ada kelak ialah bahasa Melayu pasaran atau Malayan! Bukan pula saya benci meniru apa jua bahasa-bahasa dagang jika sebenarnya tiada yang demikian itu di sisi bahasa kita sendiri tetapi hendaklah dikajikan betul-betul barang sepatah perkataan dagang itu difikirkan dapatkah dirungkaikan menurut tertib susunan bahasa Melayu kita di semenanjung ini atau tidak? Mengapa kita membuat atau menggunting baju menurut bentuk badan kita sendiri masing-masing? Ialah supaya sesuai pada badan kita, iaitu supaya jangan tersempit atau longgar atau tersingkat atau terpanjang yang tidak sepadan dengan tubuh kita. Maka begitu jugalah bahasa-bahasa dagang yang tertentu menurut aturan nahu dan saraf masing-masing tertentu ertinya yang berlain-lain menurut susunan atau ikatan peribahasanya yang tertentu jugalah dan tiada boleh kita Melayu menyalahkan sesuatunya itu.

Saya biasa juga membaca terjemahan daripada bahasa Arab, Inggeris dan sedikit-sedikit yang lain ke bahasa Melayu maka saya dapati setengah-setengahnya itu berlainan daripada tertib susunan bahasa Melayu (iaitu menurut pengetahuan saya sendiri yang sememang tuhar) maka di bawah ini saya memberi sedikit tauladannya:

Telah terbaca saya sebuah kitab mengandungi hadis-hadis Nabi (SAW) yang telah diterjemahkan ke bahasa Melayu oleh seorang

alim Melayu di Mesir: '*An Aishah qālat: "'An rihṭāman al-yahūd dakhluwā 'alā al-nabī ṣallā Allāh alaih wa sallam"* yang diperMelayukannya: "Daripada Aishah katanya bahawasanya satu puak daripada Yahudi masuk mereka itu atas Nabi (SAW). Pada pendapatan saya bahawa "*dakhluwā alā al-nabī* (SAW)"- "*dakhluwā*" itu betul dan "ala" itu pun betul menurut susunan tertib bahasa Arab, akan tetapi kasar di sisi bahasa Melayu. Tidakkah lebih baik dan halus diMelayukan dengan: telah masuk mengadap Nabi (SAW)?



Danaukah ini? Tidak pembaca-pembaca! Ini ialah kawah gunung Tengku Yap Perahu kawah gunung berapi yang masyhur di tanah peranginan di Jawa. Tingginya gunung ini hampir-hampir 3700 meter dari tepi laut. Udaranya di sana sejuk tetapi tempat itu kuat berbau belerang. Di tepi tempat yang mengeluarkan asap-asapnya masih ada kelihatan warna kuning belerang. Keliling kawah itu hampir-hampir tiga batu luasnya.-Gambar Qalam

Pada tempat yang lain di kitab itu juga bab *mā jā' fī al-nahī 'an al-dakhūlu alā al-nisā' al-ībadhan al-azwāj*: Bab: Yang telah datang ia pada menyatakan hadis yang menunjukkan atas tegah masuk atas orang-orang perempuan melainkan dengan izin suaminya. Bermula dalil yang menunjukkan atas yang demikian itu ialah sebagai hadis yang dikeluarkan oleh Abu Isa Al-Tirmizi- di sini tidak saya salahkan erti "*al-dakhūlu alā al-nisā'"* iaitu "masuk lelaki atas orang-orang perempuan" itu akan tetapi bahasa yang demikian lebih lagilah tidak baik dan tidak beradab sopan dan kasar di sisi kehalusan bahasa Melayu. Tidakkah lebih halus mengandungi kehormatan jika dikata "masuk berjumpa"- (atau bertemu-atau bercakap) dengan orang-orang perempuan? Adakah ini mengubahkan maksud bahasa Arab itu tadi? Tidak sekali-kali

Terbaca pula saya sebuah risalah tulisan rumi berkenaan dengan khutbah-khutbah Hari Raya yang dicap di Tanah Jawa (Indonesia) maka muqaddimah penerbit risalah itu sebagai iklannya. Di antara lain-lainnya yang menarik kegemaran orang ramai ada berkata: "Khutbah-khutbah ini telah mendapat "sambutan yang hangat". Maka "sambutan yang hangat" ini nampaknya sekarang ada menjadi suatu peribahasa baharu yang sedang diturut oleh setengah-setengah penulis muda kita Melayu di Semenanjung Tanah Melayu ini dengan tidak ketahui tidak hendak memeriksa lebih dahulu perbezaan erti "hangat" dan "panas". Saya percaya peribahasa baharu ini telah ditiru daripada bahasa Inggeris *warm reception* (*Warm Reception*) bukan *hot reception* (*Hot reception*) yang bererti sambutan yang hangat, atau marah!

Di sini dengan ikhlas saya menerangkan bahawa panas itu ialah suam-suam ataupun seperti rasa kopi atau teh ataupun air-air yang panas tetapi boleh tahan diminum orang. Sangat berlainan daripada hangat ataupun melampau seperti air sedang mendidih atau seperti besi yang dibakar sehingga merah warnanya dan lembut ia boleh ditukul pada sebarang bentuk menjadikan ia parang, kapak atau sebarang apa seumpamanya. Jika air yang hangat sedang mendidih diminum tentulah tercelur lidah, mulut dan perut- harus

orang yang meminumnya itu akan bangat mendiang! Jikalau kuli-kuli bekerja di panas matahari di ladang-ladang atau di jalan-jalan raya berjam-jam lamanya tidak akan panas matahari itu membinasakan mereka itu, akan tetapi jika mereka itu jatuh atau dihumbankan ke dalam api yang sedang marak menyala walau sedikit minit sahaja harus mereka itu mati atau setidak-tidaknya cedera anggota mereka itu. Oleh sebab yang demikian patutkah kita orang Melayu anak bumi Semenanjung ini terburu-buru meniru peribahasa baharu "sambutan yang hangat" itu? Bahawa jika diturut juga, maka berertilah ia bukan dengan kerayaan, kegemaran, atau kesukaan, bahkan dengan ketakutan. Kemarahan atau kebencian!

"Memuaskan" dan "memuaskan hati"-adalah dua perkataan ini berlain-lainan ertinya masing-masing melainkan kena tempat memakainya satu-satu itu dengan betulnya, misalnya:- jika seorang berkata "aku dah puas memakan ikan setiap hari maka aku hendak makan daginglah pula. "Di sini berertilah orang itu telah merasa jemu, atau jelak memakan ikan saban hari maka terasa hendak makan daging pula, kerana telah patah nafsunya pada ikan. Adapun "puas hati" itu berertilah bersetuju kerana sesuatu itu sempurna sebagaimana yang dikehendaknya. Maka demikian jugalah jika seorang berkata kepada seorang taulannya: "Nampaknya kamu tidak puas-puas duduk di rumah sahaja setiap hari, siang malam, tidakkah baik kamu keluar bersiar-siar?" Di sini berertilah seorang itu suka sangat (tidak jemu jelak) berpingit di dalam rumahnya sahaja, sehingga seorang sahabatnya menasihatkannya keluar berjalan-jalan.....telah ada seorang penulis zaman sekarang mengatakan: "memadailah dengan sepatah kata "memuaskan" kerana semua orang faham." Tetapi hendaklah ingat bahawasanya tidak sekalian orang sekarang sekalipun boleh bersamaan faham jika susunan cakapan atau gaya susunan perkataan-perkataan di dalam persuratan tidak betul atau mengelirukan!

Rasa saya memadalah penerangan-penerangan saya berkenaan dengan apa-apa yang telah saya sajikan di atas tadi.

JUBILEE CAFE & RESTAURANT

771/773 North Bridge Road,

Singapore, 7.

Selazat-lazat kedai makan Islam di Singapura

Bersih Rehat Di bandar

Harga berpatutan Layanan tertib

Beriani ayam dan kambing

dan serba serbi kari Islam

boleh menyediakan kerana jamuan-jamuan

Silalah ke Jubilee

tuan punya – tuan punya: Uthman dan Sultan.

Sesungguhnya seutama-utama iman itu ialah engkau mengetahui bahawa Allah besertamu di mana jua engkau ada (maksud hadis riwayat Tabrānī)

* * *

Bernasihat-nasihatlah kamu tentang ilmu-ilmu, dan janganlah sebahagian daripada kamu menyembunyikan ilmu daripada sebahagian, kerana khianat pada tentang harta ilmu itu lebih berat-dosanya-daripada khianat tentang (maksud hadis riwayat Abū Na'im).

* * *

Barangsiapa tidak memustahakkan urusan kaum Muslimin maka bukanlah ia daripada mereka itu. (maksud hadis riwayat Abū Na'im).

* * *

Kesalahan orang alim itu dipukulkan gendan dan kesalahan orang bodoh itu ditutup oleh jahilnya (maksud hadis sahih riwayat Bukhārī)